



SOALAN LAZIM

PROGRAM ASASI KOLEJ MARA (KM)

1. **Apakah itu Program Asasi Kolej MARA?**

Program Asasi Kolej MARA adalah merupakan program peringkat persediaan / pra universiti bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021. Pelajar lepasan program ini akan ditawarkan pinjaman pelajaran MARA berbentuk **Pinjaman Boleh Ubah mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan oleh MARA.**

2. **Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program Asasi Kolej MARA?**

Permohonan kemasukan ke Program Asasi Kolej MARA boleh dibuat secara dalam talian melalui portal MARA di alamat <http://www.mara.gov.my> dan juga portal Unit Pusat Institusi MARA (UPIM) di alamat <https://apponline.mara.gov.my/upimonline>. Pemohon hendaklah mendaftar sebagai pengguna baharu terlebih dahulu sebelum mengisi permohonan. Pemohon juga dikehendaki untuk membaca dan memahami garis panduan dan iklan kemasukan yang disediakan sebelum membuat permohonan.

3. **Bilakah permohonan Program Asasi Kolej MARA akan dibuka?**

Permohonan dibuka bermula 22 Februari 2022 hingga 30 Jun 2022.

4. **Apakah syarat umum untuk memohon Program Asasi Kolej MARA?**

Syarat kelayakan kemasukan ke Program Asasi Kolej MARA adalah seperti berikut :

- 4.1 **Pemohon DAN** salah seorang **ibu ATAU bapa** adalah **warganegara Malaysia** dan **berstatus Bumiputera**;
- 4.2 Pemohon menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2021 buat kali pertama.
- 4.3 Ibu atau bapa **TIDAK DISENARAI HITAM** oleh MARA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak MARA.
- 4.4 Pemohon tidak menerima bantuan kewangan dan tajaan dari mana-mana badan penaja atau agensi untuk pengajian dan peringkat yang sama.

5. **Apakah syarat kelayakan akademik untuk melayakkan saya ditawarkan Program Asasi Kolej MARA?**

Pemohon mestilah memperolehi keputusan sebenar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 dengan gred sekurang-kurangnya :

- 5.1 **Dua (2) A-** bagi subjek Bahasa Melayu & Matematik;
- 5.2 **Lima (5) B** bagi subjek yang mengikut kepada pengkhususan program. Perincian syarat kelayakan penawaran Program Asasi Kolej MARA boleh dirujuk dalam senarai pengkhususan program semasa permohonan dibuka.
- 5.3 **Lulus** subjek Sejarah.

6. **Selain daripada syarat kelayakan akademik, adakah Ujian Psikometrik akan dilaksanakan bagi pemilihan penawaran Program Asasi Kolej MARA?**

Tiada Ujian Psikometrik akan dilaksanakan bagi pemilihan penawaran Program Asasi Kolej MARA.

7. **Sekiranya saya tidak memenuhi syarat kelayakan permohonan Program Asasi Kolej MARA yang ditetapkan, tetapi saya ingin mencuba untuk memohon, adakah dibenarkan?**

Pemohon tidak dihalang daripada membuat permohonan namun dinasihatkan untuk menyemak syarat kelayakan terlebih dahulu. Hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan untuk ditawarkan Program Asasi Kolej MARA.

8. **Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 masih belum diumumkan secara rasmi. Bagaimana saya dapat membuat permohonan Program Asasi Kolej MARA?**

Pada peringkat PERMOHONAN, pemohon daripada kategori calon lepasan SPM 2021 khususnya boleh: (i) mendaftar dan mengisi maklumat peribadi, ayah / ibu / penjaga, (ii) WAJIB mengisi maklumat keputusan SPM dengan keputusan peperiksaan percubaan SPM ATAU keputusan peperiksaan akhir tahun dan (iii) klik butang Simpan untuk menyimpan maklumat awal. Pemohon kemudiannya diberi tempoh **sepuluh (10) hari selepas keputusan peperiksaan SPM 2021** diumumkan untuk mengemaskini maklumat keputusan peperiksaan tersebut serta pilihan program yang ingin dimohon dan kemudian klik butang **Hantar** untuk menghantar permohonan.

9. **Keputusan peperiksaan SPM saya tidak melepasi syarat kelayakan akademik untuk Program Asasi Kolej MARA. Bolehkah keputusan peperiksaan percubaan SPM saya digunakan untuk penawaran?**

Tidak boleh. Penawaran Program Asasi Kolej MARA hanya tertakluk kepada keputusan sebenar peperiksaan SPM 2021.

10. **Saya mendapat keputusan 2A-, 5B dan Lulus subjek Sejarah pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2019. Bolehkah saya memohon?**

Tidak boleh. Permohonan hanya dibuka kepada pelajar yang telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021 buat kali pertama sahaja.

11. Bolehkah saya menggunakan keputusan peperiksaan IGCSE atau peperiksaan lain yang setaraf untuk memohon Program Asasi Kolej MARA?

Tidak boleh. Hanya keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja yang akan diguna pakai sebagai syarat kelayakan akademik Program Asasi Kolej MARA.

12. Apakah keistimewaan Program Asasi Kolej MARA?

Pelajar yang ditawarkan pengajian Program Asasi Kolej MARA mempunyai keistimewaan seperti berikut :

- 12.1 Yuran pengajian (tuition fee) adalah ditanggung oleh MARA.
- 12.2 Penginapan disediakan oleh MARA tanpa dikenakan bayaran.
- 12.3 Hanya yuran pendaftaran, yuran semester, yuran Koperasi & yuran Muafakat dikenakan dengan jumlah yang berpatutan.
- 12.4 Pelajar diberi Elaun Sara Hidup RM100.00 sebulan sepanjang pengajian.
- 12.5 Makan minum disediakan kepada pelajar lima (5) kali sehari di Dewan Selera tanpa dikenakan bayaran.
- 12.6 Bayaran semula tiket penerbangan Kelas Ekonomi bagi pelajar Sabah / Sarawak / Labuan akan dibayar selepas pelajar mendaftar dan setelah pelajar menamatkan pengajian di kolej.
- 12.7 Pelajar ditawarkan pinjaman pelajaran MARA dengan syarat telah mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 selepas menamatkan pengajian.
- 12.8 Pelajar dijamin tempat pengajian di institusi pengajian tinggi yang telah dipilih oleh pelajar.

13. Berapa kalikah pengambilan pelajar Program Asasi Kolej MARA dibuat?

Pengambilan pelajar hanya dilaksanakan sekali setahun.

14. Apakah pengkhususan program yang ditawarkan dalam pengajian Asasi Kolej MARA?

Program Asasi Kolej MARA yang dilaksanakan sepanjang 2 semester dalam tempoh 1 tahun pengajian ini merangkumi jurusan seperti berikut :

- 14.1 Asasi Kejuruteraan & Teknologi
- 14.2 Asasi Sains
- 14.3 Asasi Perniagaan

15. Adakah bidang yang boleh ditawarkan pada pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda melalui program Asasi Kolej MARA?

Sila rujuk lampiran Bidang Pengajian Program Asasi Kolej MARA.

16. Adakah Pinjaman Boleh Ubah saya boleh ditukar sepenuhnya kepada penajaan Biasiswa?

Tidak boleh. Tiada pertukaran sepenuhnya daripada Pinjaman Boleh Ubah kepada Biasiswa. Kadar bayaran balik pinjaman pelajar adalah tertakluk kepada prestasi akademik peminjam setelah tamat pengajian.

17. Apakah yang dimaksudkan dengan Pinjaman Boleh Ubah?

Pinjaman Boleh Ubah bermaksud keseluruhan pinjaman pelajaran yang diterima oleh pelajar boleh dipertimbangkan untuk pengurangan bayaran balik berdasarkan kepada pencapaian prestasi akademik pelajar setelah tamat pengajian. Ianya tertakluk kepada dasar semasa yang ditetapkan.

18. Adakah saya perlu menghantar cetakan borang permohonan atau apa-apa dokumen selepas membuat permohonan?

Tidak perlu. Pemohon hanya perlu mencetak slip pengesahan permohonan setelah selesai mengemaskini maklumat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 untuk tujuan rujukan pemohon.

19. Bilakah saya boleh membuat semakan keputusan Program Asasi Kolej MARA?

Semakan keputusan Program Asasi Kolej MARA dijangka boleh dibuat bermula 1 Julai 2022 selepas jam 3:00 petang.

20. **Setelah saya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda, apakah yang sepatutnya saya lakukan?**

Pemohon perlu melaporkan diri kepada Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA dengan mengemukakan Ijazah serta Transkrip rasmi.

Pemohon seterusnya boleh membuat permohonan pengurangan bayaran balik secara atas talian kepada Bahagian Kawalan Kredit MARA melalui laman sesawang Sistem Permohonan

Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran MARA di alamat <https://econversion.mara.gov.my/>.

21. **Bagaimanakah cara sekiranya saya ingin membuat semakan baki jumlah pinjaman pelajaran MARA?**

Semakan baki jumlah pinjaman pelajaran MARA boleh dibuat secara dalam talian melalui Sistem E-Baki di alamat <https://apps.mara.gov.my/ebakiv2/>

22. **Apakah Kadar Bayaran Balik Pinjaman Boleh Ubah MARA?**

KADAR BAYARAN BALIK PINJAMAN PELAJARAN MARA MULAI TAWARAN 1 JANUARI 2011

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN/KURSUS	TAHAP PENCAPAIAN	KADAR BAYARAN BALIK	
			DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
1	Pra Universiti	Lulus/Gagal	0%	0%
		Menarik Diri	100%	100%
2	Diploma dan HND	CGPA 3.50 – CGPA 4.00	15%	Tiada Tajaan Luar Negara
		CGPA 3.00 – CGPA 3.49	20%	
		< CGPA 3.00	25%	
		Tambahan Masa	50%	
		Gagal Akademik	100%	
3	Diploma Kemahiran (SKM)	Lulus/Terampil	25%	Tiada Tajaan Luar Negara
		Tambahan Masa	50%	
		Gagal Akademik	100%	
4	Ijazah Sarjana Muda	CGPA 3.50 – CGPA 4.00 atau diiktiraf Kelas Pertama oleh universiti berkenaan	15%	10%
		Kelas Kedua Tinggi atau CGPA 3.00 – CGPA 3.49	20%	15%
		Kelas Kedua Rendah atau CGPA 2.50 – CGPA 2.99	25%	20% tertakluk pada siling RM150,000.00
		Kelas Ketiga & Ijazah Am (GD) atau CGPA 2.00 – CGPA 2.49	50%	50%
		Tambahan Masa Gagal Akademik	100%	100%
5	Ijazah Sarjana Muda Perubatan	Lulus	20% tertakluk pada siling RM150,000.00	20% tertakluk pada siling RM150,000.00
		Tambahan Masa	50%	
		Gagal Akademik	100%	
6	Sarjana (Kerja Kursus/Penyelidikan)	Lulus	25%	20% tertakluk pada siling RM150,000.00
		Tambahan Masa	50%	50%
		Gagal Akademik	100%	100%
7	Ijazah Kedoktoran	Lulus	25%	20% tertakluk pada siling RM150,000.00
		Tambahan Masa	50%	50%
		Gagal Akademik	100%	100%
8	Profesional /Sub-Profesional (Diiktiraf oleh Badan Profesional dalam bidang berkaitan)	Lulus	25%	20% tertakluk pada siling RM150,000.00
		Tambahan Masa	50%	50%
		Gagal Akademik	100%	100%
9	Penerbangan/Pilot	Lulus	100%	100%
		Tambahan Masa	50% daripada tambahan peruntukan	50% daripada tambahan peruntukan
		Gagal Akademik	100%	100%

**Nota: Tertakluk kepada perubahan*

23. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi Unit Pusat Institusi MARA (UPIM), Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) sekiranya ada sebarang pertanyaan?

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hubungi talian seperti berikut:

Telefon: 03-26134074 / 03-26134075 / 03-26134076 / 03-26134077 / 03-26134081

E-mel : upim.bpt@mara.gov.my



SOALAN LAZIM KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

A. PENGAMBILAN & PENEMPATAN PELAJAR

- S1. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan kemasukan ke Kolej Profesional MARA?
- J1. **Permohonan adalah secara dalam talian di laman web <https://apponline.mara.gov.my/upimonline>.**
- S2. Saya ingin membuat permohonan untuk kemasukan ke Kolej Profesional MARA. Perlukah saya membeli nombor pin bagi membolehkan saya membuat permohonan di laman web UPIM?
- J2. **Tidak perlu. Permohonan kemasukan ke Kolej Profesional MARA tidak memerlukan pembelian nombor pin dan pendaftaran adalah percuma.**
- S3. Selain daripada permohonan melalui UPIM, apakah kaedah lain untuk kemasukan ke KPM?
- J3. **Permohonan melalui *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)* kategori A bagi pemohon yang sedang bekerja.**
- S4. Bagaimana untuk membuat permohonan melalui APEL?
- J4. **Pemohon boleh melayari laman web <http://www2.mqa.gov.my/APEL/> untuk maklumat dan keterangan lebih lanjut.**
- S5. Apakah syarat kelayakan kemasukan ke Kolej Profesional MARA?
- J5. **Warganegara Malaysia bertaraf Bumiputera;
Berumur 18 sehingga 35 tahun;
Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.**

S6. Apakah program yang ditawarkan di Kolej Profesional MARA?

J6.

- i. **Diploma in Accounting (DIA)**
- ii. **Diploma in Business Studies (DBS)**
- iii. **Diploma in Landscape and Horticulture (DLH)**
- iv. **Diploma in Entrepreneurship (DEN)**
- v. **Diploma in Islamic Banking and Finance (DBF)**
- vi. **Diploma in Computer Networking (DCN)**
- vii. **Diploma in Creative Digital Media Production (DCD)**
- viii. **Diploma in International Business (DIB)**
- ix. **Diploma in Integrated Logistics Management (DLM)**
- x. **Diploma in Marketing (DMK)**
- xi. **Diploma in Business and Information Technology (DBIT)**
- xii. **Diploma in Computer Science (DCS)**
- xiii. **Diploma in Halal Industry (DHI)**
- xiv. **Diploma in English Communication (DEC)**

S7. Berapa kalikah pengambilan pelajar dibuat dalam tempoh setahun?

J7. 3 kali setahun iaitu pengambilan sesi Januari, Julai dan November.

S8. Apakah yang dimaksudkan dengan Program Intensif Bahasa Inggeris (*Intensive English Program* (IEP))?

J8. Program Intensif Bahasa Inggeris (IEP) adalah program jangka pendek (2 bulan) untuk pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 3 KEPUJIAN dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tetapi TIDAK MENDAPAT KEPUJIAN dalam subjek Bahasa Inggeris.

S9. Apakah syarat kelayakan akademik untuk mengikuti program IEP?

J9. Memperoleh sekurang-kurangnya 3 KEPUJIAN dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), termasuk subjek:

- Bahasa Melayu;
- Dua (2) subjek lain; DAN
- Bahasa Inggeris (LULUS minimum gred D)
- Matematik (LULUS minimum gred D)

- S10. Apakah syarat pelajar IEP untuk meneruskan pengajian ke peringkat Diploma?
- J10. Mendapat sekurang-kurangnya gred C layak memohon untuk meneruskan pengajian di peringkat Diploma KECUALI bagi program Diploma in English Communication (DEC).**
- S11. Bilakah saya boleh menyemak status permohonan saya samada berjaya atau gagal?
- J11. Sila rujuk tarikh semakan status permohonan seperti yang dinyatakan dalam iklan permohonan kemasukan ke program Diploma KPM.**
- S12. Bolehkah saya mendaftar sedangkan saya tidak mengesahkan penerimaan tawaran pada tarikh yang ditetapkan seperti yang dikehendaki dalam surat tawaran?
- J12. Tidak boleh.**

B. PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

- S1. Bolehkah saya tidak mengikuti program orientasi untuk pelajar baharu?
J1. Tidak boleh. Orientasi untuk pelajar baru adalah wajib.
- S2. Bolehkah saya mendaftar jika kelayakan sebenar saya tidak memenuhi syarat kemasukan?
J2. Tidak boleh. Tawaran dengan sendirinya akan terbatal sekiranya anda tidak menepati syarat kemasukan ke Kolej Profesional MARA. Anda akan dihalang mendaftar semasa melapor diri.
- S3. Saya belum menjalani pemeriksaan kesihatan. Bolehkah saya mendaftar?
J3. Boleh. Tetapi anda diminta untuk menyempurnakan pemeriksaan kesihatan dalam masa 2 minggu dari tarikh pendaftaran. Walau bagaimanapun pihak MARA berhak untuk menarik balik tawaran sekiranya hasil pemeriksaan kesihatan anda didapati tidak sihat.
- S4. Apakah kesannya jika saya tidak melapor diri pada tarikh pendaftaran yang telah ditetapkan?
J4. Tawaran akan terbatal kecuali memaklumkan / memohon kebenaran secara bertulis kepada Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi MARA sekiranya mempunyai alasan / sebab yang munasabah.
- S5. Apakah pakaian yang sesuai semasa pendaftaran?
J5. Pakaian ke kuliah seperti yang dinyatakan dalam panduan pelajar baharu.
- S6. Bolehkah saya membuat pertukaran program atau kolej setelah melapor diri?
J6. Tidak boleh, permohonan pertukaran program atau kolej hanya dipertimbangkan selepas pelajar melengkapkan pengajian semester 1 dan dibuat permohonan rasmi pada minggu kedua semester 2.
- S7. Jika saya tidak melapor diri di kolej, adakah wang pengesahan penerimaan tawaran dikembalikan?
J7. Tidak.

- S8. Bolehkah saya menuntut bayaran balik tambang perjalanan udara?
- J8. Hanya bagi pelajar Sabah, Sarawak dan Labuan, tambang perjalanan udara untuk pergi dan balik boleh dituntut sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pelajar perlu mengemukakan tiket asal untuk urusan bayaran balik berkenaan.**

C. KEBAJIKAN, KEMUDAHAN DISEDIAKAN

- S1. Bolehkah saya memohon pinjaman MARA bagi membiayai pengajian di Kolej Profesional MARA?
- J1. Tidak perlu. KPM adalah kolej bantuan penuh Kerajaan di mana yuran pengajian telah dibiayai oleh MARA. Pelajar hanya perlu membayar wang pendaftaran, Koperasi dan Muafakat, buku teks dan lain-lain pembayaran keperluan pengajian di Kolej Profesional MARA.**
- S2. Siapakah yang layak menerima elaun sara hidup?
- J2. Semua pelajar yang mematuhi syarat yang sedang berkuatkuasa.**
- S3. Adakah saya layak tinggal di asrama?
- J3. Ya. Semua pelajar baharu diwajibkan tinggal di asrama. Bagi pelajar kanan, kemudahan tinggal di asrama bergantung kepada kekosongan dan syarat yang ditetapkan.**
- S4. Adakah makan minum pelajar disediakan oleh kolej?
- J4. Tidak. Walau bagaimanapun, terdapat kemudahan kafeteria di setiap kolej.**
- S5. Siapakah yang akan membayar sewa penginapan pelajar yang tinggal di luar asrama?
- J5. Sewa penginapan adalah di bawah tanggungan pelajar.**
- S6. Adakah pelajar baharu boleh membawa kenderaan sendiri?
- J6. Tidak boleh kecuali dengan kebenaran khas Pengarah Kolej Profesional MARA.**

D. PROGRAM PENGAJIAN

- S1. Kemanakah halatuju pelajar yang tamat pengajian?
- J1. Pelajar boleh menyambung pengajian ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta bekerja di sektor industri yang berkaitan.**
- S2. Adakah kesemua program pengajian di Kolej Profesional MARA mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) / Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)?
- J2. Kesemua program yang telah cukup tempoh pengajian telah mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sijil akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Bagi program baharu, pihak Kolej Profesional MARA sedang dalam proses untuk mendapatkannya.**
- S3. Sekiranya saya menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di IPTA / IPTS, adakah IPTA / IPTS ini memberi pemindahan kredit?
- J3. Bergantung kepada IPTA / IPTS serta program ijazah sarjana muda yang diikuti dan juga gred kursus berkaitan yang diperolehi semasa pengajian di Kolej Profesional MARA.**
- S4. Adakah pihak MARA akan memberi kemudahan pinjaman bagi mengikuti pengajian di peringkat ijazah di IPTA / IPTS?
- J4. Tertakluk kepada program serta syarat yang ditentukan oleh MARA.**
- *Program dan syarat yang diberikan pinjaman adalah tertakluk kepada dasar semasa Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA.**
- S5. Adakah pelajar Kolej Profesional MARA dikehendaki menjalani latihan industri?
- J5. Bergantung kepada program diploma yang mensyaratkan keperluan program latihan industri.**